

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 12 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6867**

**SOALAN:**

**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) tentang kuasa dan kawalan maklumat peribadi dalam data bank di Jabatan Pendaftaran Negara, adakah pegawai-pegawai yang tertentu diberikan kuasa untuk mendapatkan maklumat peribadi ini dan apakah syarat terikat; dan
- (b) bagaimanakah Jabatan ini dapat mengawal maklumat peribadi ini tidak dibocorkan kepada pihak ketiga.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Dalam Negeri (KDN) amat menitikberatkan jagaan selamat semua daftar yang disimpan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Kepentingan untuk memastikan keselamatan daftar ini diperuntukkan di bawah Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 yang menyebut bahawa daftar di JPN tidak terbuka kepada pemeriksaan orang awam. Oleh itu, pegawai yang diberi kuasa untuk mendapatkan maklumat dalam daftar JPN hanya dihadkan kepada pegawai yang bertugas untuk menjalankan operasi Jabatan dan ditentukan sendiri oleh pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan. Selain itu, semua pegawai yang terlibat dalam pengendalian daftar ini juga tertakluk Akta Rahsia Rasmi 1972 khususnya dalam pengendalian dokumen-dokumen rasmi Kerajaan yang terperingkat.
- (b) JPN juga memberikan perhatian serius terhadap setiap pengendalian daftar di Pusat Pendaftaran bagi mengelakkan kebocoran maklumat. Hal ini dilaksanakan dengan memantau setiap maklumat pegawai yang diberikan akses kepada daftar termasuk merekod setiap aktiviti capaian mereka kepada daftar atau mana-mana buku atau rekod. Justeru, pihak Pengurusan Tertinggi

**Jabatan akan dapat mengenal pasti sekiranya berlaku sebarang penyelewengan dalam pengendalian maklumat berkenaan kerana sebarang kesalahan mengenainya adalah tertakluk kepada kesalahan-kesalahan dan penalti-penalti di bawah Peraturan 25, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990.**